



3 Oktober 2025
3 October 2025
P.U. (A) 350

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(SKIM INSENTIF PEJABAT KELUARGA TUNGGAL)
(PULAU 1 ZON KEWANGAN KHAS FOREST CITY) 2025

*INCOME TAX (SINGLE FAMILY OFFICE
INCENTIVE SCHEME) (PULAU 1 OF FOREST CITY
SPECIAL FINANCIAL ZONE) RULES 2025*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (SKIM INSENTIF PEJABAT KELUARGA TUNGGAL)
(PULAU 1 ZON KEWANGAN KHAS FOREST CITY) 2025

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] dibaca bersama-sama subseksyen 6(1A) dan perenggan 2 Bahagian XVII Jadual 1 kepada Akta, Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal) (Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City) 2025**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 September 2024.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya aktiviti sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 4;

“keluarga tunggal” ertinya suatu keluarga yang anggotanya ialah individu yang mempunyai pertalian nasab langsung daripada nenek moyang tunggal dan termasuklah—

(a) suami atau isteri;

(b) anak kandung;

(c) anak tiri; dan

- (d) anak yang diambil menjadi anak angkat mengikut mana-mana undang-undang bertulis;

“Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City” ertinya Pulau 1, Forest City yang terletak di Mukim Tanjung Kupang, Daerah Johor Bahru, Johor sebagaimana yang ditunjukkan dalam Pelan *Warta* PW50276 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Johor;

“syarikat yang diluluskan” ertinya syarikat yang layak yang baginya suatu kelulusan bagi Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal telah diberikan di bawah kaedah 5;

“syarikat yang layak” ertinya suatu syarikat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 3.

Syarikat yang layak

3. (1) Syarikat yang layak ialah suatu syarikat dana keluarga tunggal yang—
 - (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan bermastautin di Malaysia;
 - (b) dimiliki sepenuhnya, secara langsung atau tidak langsung, oleh anggota suatu keluarga tunggal;
 - (c) beroperasi di Pulau 1 Zon Kewangan Khas Forest City; dan
 - (d) ditubuhkan semata-mata bagi maksud memegang aset dan aktiviti pelaburan bagi kepentingan anggota suatu keluarga tunggal.
- (2) Syarikat yang layak yang disebut dalam subkaedah (1) bukan merupakan syarikat yang layak di bawah Kaedah-Kaedah ini jika dalam tahun taksiran yang ditentukan yang disebut dalam kaedah 7—

- (a) suatu tuntutan telah dibuat bagi elaun pelaburan bagi sektor perkhidmatan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (b) apa-apa insentif telah diberikan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*];
- (c) suatu pengecualian telah diberikan di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta;
- (d) suatu skim insentif telah diluluskan oleh Menteri di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta; atau
- (e) suatu tuntutan telah dibuat bagi potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
 - (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
 - (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
 - (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Aktiviti yang layak

4. Aktiviti yang layak ialah suatu aktiviti yang dijalankan oleh syarikat yang layak sebagaimana yang berikut:

- (a) pemegangan aset oleh syarikat yang layak bagi kepentingan keluarga tunggal; dan

- (b) aktiviti pelaburan bagi kepentingan keluarga tunggal termasuk membeli atau menjual aset dan perdagangan produk pasaran modal.

Permohonan bagi Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal

5. (1) Syarikat yang layak boleh memohon Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal kepada Menteri melalui Suruhanjaya Sekuriti mulai 1 September 2024 hingga 31 Disember 2034.

- (2) Apabila permohonan di bawah subkaedah (1) diterima, Menteri boleh—

- (a) meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan surat kelulusan kepada syarikat yang diluluskan tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam kaedah 6 atau syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri; atau

- (b) menolak permohonan itu.

Syarat bagi Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal

6. Syarikat yang diluluskan hendaklah mematuhi syarat yang dikenakan oleh Menteri yang hendaklah termasuk syarat yang berikut:

- (a) bagi setiap tahun bagi tempoh sepuluh tahun taksiran pertama, syarikat yang diluluskan hendaklah mendapatkan perakuan daripada Suruhanjaya Sekuriti bahawa syarikat yang diluluskan itu—

- (i) telah mengambil kerja sekurang-kurangnya dua orang pekerja sepenuh masa yang seorang daripada pekerja itu merupakan pelabur profesional dengan gaji minimum sepuluh ribu ringgit;

- (ii) tidak menggunakan deposit bank bagi pelaburan tempatan;

- (iii) pada akhir tahun taksiran—

- (A) telah melakukan perbelanjaan operasi tempatan tahunan tidak kurang daripada lima ratus ribu ringgit;
 - (B) mempunyai aset di bawah pengurusannya tidak kurang daripada tiga puluh juta ringgit; dan
 - (C) berhubung dengan pelaburan tempatan, telah membuat pelaburan tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau sepuluh peratus daripada aset di bawah pengurusannya yang disebut dalam subsubperenggan (a)(iii)(B), mengikut mana-mana yang lebih rendah; dan
- (iv) tidak menjalankan apa-apa perniagaan lain di Malaysia;
- (b) bagi setiap tahun bagi tempoh sepuluh tahun taksiran yang berikutnya, syarikat yang diluluskan hendaklah mendapatkan perakuan daripada Suruhanjaya Sekuriti bahawa syarikat yang diluluskan itu pada akhir tahun taksiran—
- (i) mempunyai aset di bawah pengurusannya tidak kurang daripada lima puluh juta ringgit;
 - (ii) berhubung dengan pelaburan tempatan, telah membuat pelaburan tidak kurang daripada sepuluh juta ringgit atau sepuluh peratus daripada aset di bawah pengurusannya yang disebut dalam subperenggan (b)(i), mengikut mana-mana yang lebih tinggi;
 - (iii) telah mengambil kerja sekurang-kurangnya empat orang pekerja sepenuh masa; dan
 - (iv) telah melakukan perbelanjaan operasi tempatan tahunan tidak kurang daripada enam ratus lima puluh ribu ringgit;

- (c) syarikat yang diluluskan hendaklah mematuhi syarat yang diperuntukkan di bawah seksyen 65B Akta; dan
- (d) syarikat yang diluluskan hendaklah mematuhi mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

Tahun taksiran yang ditentukan

7. Tahun taksiran yang ditentukan yang disebut dalam Kaedah-Kaedah ini ialah suatu tempoh sepuluh tahun taksiran berturut-turut berkenaan dengan kadar yang disebut dalam perenggan 8(a) dan sepuluh tahun taksiran berturut-turut yang berikutnya berkenaan dengan kadar yang disebut dalam perenggan 8(b) bagi pelaksanaan Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal bermula dari tahun taksiran syarikat yang diluluskan itu mendapat perakuan pertama daripada Suruhanjaya Sekuriti di bawah perenggan 6(a).

Kadar cukai pendapatan

8. Kadar cukai pendapatan yang dikenakan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi tahun taksiran yang ditentukan atas pendapatan kena cukai bagi syarikat yang diluluskan yang menjalankan suatu aktiviti yang layak di bawah Skim Insentif Pejabat Keluarga Tunggal ialah—

- (a) bagi tempoh sepuluh tahun taksiran pertama, sifar peratus; dan
- (b) bagi tempoh sepuluh tahun taksiran yang berikutnya, sifar peratus.

Dibuat 30 September 2025

[MOF.TAX(S)700-2/7/1722; LHDN.AY.A600-12/1/7(29)-455; PN(PU2)80/JLD.114]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat mengikut subseksyen 154(2) Akta Cukai Pendapatan 1967]

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (SINGLE FAMILY OFFICE INCENTIVE SCHEME)
(PULAU 1 OF FOREST CITY SPECIAL FINANCIAL ZONE) RULES 2025

IN exercise of the powers conferred by paragraph 154(1)(b) of the Income Tax Act 1967 [Act 53] read together with subsection 6(1A) and paragraph 2 of Part XVII of Schedule 1 to the Act, the Minister makes the following rules:

Citation and commencement

1. (1) These rules may be cited as the **Income Tax (Single Family Office Incentive Scheme) (Pulau 1 of Forest City Special Financial Zone) Rules 2025**.

(2) These Rules are deemed to have come into operation on 1 September 2024.

Interpretation

2. In these Rules—

“qualifying activity” means an activity as provided for under rule 4;

“single family” means a family whose members are individuals who are lineal descendants of a single ancestor and includes—

(a) the spouse;

(b) the biological child;

(c) the stepchild; and

(d) the child adopted in accordance with any written law;

“Pulau 1 of Forest City Special Financial Zone” means Pulau 1, Forest City situated in the Mukim of Tanjung Kupang, District of Johor Bahru, Johore as shown in the

Gazette Plan PW50276 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Johore;

“approved company” means a qualifying company to which an approval for the Single Family Office Incentive Scheme has been granted under rule 5;

“qualifying company” means a company as provided for under rule 3.

Qualifying company

3. (1) A qualifying company is a single family fund company which—

- (a) is incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*] and resident in Malaysia;
- (b) is wholly owned, directly or indirectly, by a member of a single family;
- (c) operates in Pulau 1 of Forest City Special Financial Zone; and
- (d) is established solely for the purpose of holding the asset and investment activity for the interest of members of a single family.

(2) The qualifying company referred to in subrule (1) is not a qualifying company under these Rules if in the specified years of assessment referred to in rule 7—

- (a) a claim has been made for investment allowance for service sector under Schedule 7B to the Act;
- (b) any incentive has been granted under the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*];
- (c) an exemption has been granted under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act;

- (d) an incentive scheme has been approved by the Minister under any rules made under section 154 of the Act; or
- (e) a claim has been made for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
 - (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
 - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; or
 - (iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2020 [*P.U. (A) 162/2020*].

Qualifying activity

4. A qualifying activity is an activity undertaken by a qualifying company as follows:

- (a) holding of assets by the qualifying company for the interest of the single family; and
- (b) investment activity for the interest of the single family including buying or selling of assets and trading of capital market products.

Application for Single Family Office Incentive Scheme

5. (1) A qualifying company may apply for the Single Family Office Incentive Scheme to the Minister through the Securities Commission from 1 September 2024 to 31 December 2034.

- (2) Upon receiving the application under subrule (1), the Minister may—

- (a)* approve the application and issue the approval letter to the approved company subject to such conditions specified in rule 6 or other conditions as the Minister thinks fit; or
- (b)* refuse the application.

Conditions for Single Family Office Incentive Scheme

6. An approved company shall comply with the conditions imposed by the Minister which shall include the following conditions:

- (a)* for each year for the first period of ten years of assessment, the approved company shall obtain a certification from the Securities Commission that the approved company—
 - (i)* has employed at least two full-time employees whom one of the employees is a professional investor with a minimum salary of ten thousand ringgit;
 - (ii)* has not utilized bank deposits for local investment;
 - (iii)* at the end of the year of assessment—
 - (A)* has incurred an annual local operating expenditure of not less than five hundred thousand ringgit;
 - (B)* has assets under its management of not less than thirty million ringgit; and
 - (C)* in relation to a local investment, has made an investment of not less than ten million ringgit or ten per cent of the assets under its management referred to in subsubparagraph *(a)(iii)(B)*, whichever is the lower; and

- (iv) has not carried on any other business in Malaysia;
- (b) for each year for the following period of ten years of assessment, the approved company shall obtain a certification from the Securities Commission that the approved company at the end of the year of assessment—
 - (i) has assets under its management of not less than fifty million ringgit;
 - (ii) in relation to a local investment, has made an investment of not less than ten million ringgit or ten per cent of the assets under its management referred to in subparagraph (b)(i), whichever is greater;
 - (iii) has employed at least four full-time employees; and
 - (iv) has incurred an annual local operating expenditure of not less than six hundred and fifty thousand ringgit;
- (c) the approved company shall comply with the conditions provided for under section 65B of the Act; and
- (d) the approved company shall comply with any guidelines issued by the Securities Commission.

Specified years of assessment

7. The specified years of assessment referred to in these Rules is a period of ten consecutive years of assessment in respect of the rate referred to in paragraph 8(a) and the following ten consecutive years of assessment in respect of the rate referred to in paragraph 8(b) for the implementation of the Single Family Office Incentive Scheme commencing from the year of assessment of which the approved company obtained the first certification from the Securities Commission under paragraph 6(a).

Rate of income tax

8. The rate of income tax which shall be charged under these Rules for the specified years of assessment on the chargeable income of an approved company which carries on a qualifying activity under the Single Family Office Incentive Scheme is—

(a) for the first period of ten years of assessment, zero per cent; and

(b) for the following period of ten years of assessment, zero per cent.

Made 30 September 2025

[MOF.TAX(S)700-2/7/1722; LHDN.AY.A600-12/1/7(29)-455; PN(PU2)80/JLD.114]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Minister of Finance II

[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 154(2) of the Income Tax Act 1967]